

ALOR STAR, 28 MEI (BERNAMA) — TINDAKAN KERAJAAN MEMBEKUKAN PENJUALAN SAHAM KEPADA BUMIPUTERA MELALUI UNIT PENYERTAAN BUMIPUTERA BERTUJUAN MEMPASTIKAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU DICAPAI DALAM TEMPOH SEPULUH TAHUN LAGI, JELAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TEGASNYA, ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN SUPAYA PADA TAHUN 1990, BUMIPUTERA DAPAT MEMILIKI 30 PERATUS DARIPADA SUMBER KEKAYAAN YANG ADA DI NEGARA INI TERMASUKLAH FIRMA-FIRMA YANG PADA MASA INI DIMILIKI OLEH ORANG-ORANG ASING.

KERAJAAN TELAH MENJALANKAN BERBAGAI USAHA UNTUK MENJAMIN PENCAPAIAN MATLAMAT ITU TETAPI MALANGNYA ADA BUMIPUTERA YANG TELAH MENYALAHGUNAKAN PELUANG YANG DIBERIKAN KEPADA MEREKA UNTUK MEMBELI SAHAM ITU SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN DENGAN LEBIH CEPAT, KATANYA.

PERBUATAN PENYELEWENGAN ITU TERPAKSA DIHENTIKAN SEGERA BAGI MENENTUKAN USAHA KERAJAAN MEMBOLEHKAN BUMIPUTERA MEMILIKI SEBANYAK 30 PERATUS DARIPADA SAHAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN DI NEGARA INI TIDAK GAGAL, TAMBAHNYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN ALOR STAR DI TAPIAN GELANGGANG DI SINI.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA KERAJAAN TELAH BERJAYA +MEMUJUK+ FIRMA-FIRMA YANG DIMILIKI OLEH ORANG-ORANG ASING SUPAYA MENJUAL SAHAM-SAHAM MEREKA KEPADA BUMIPUTERA DENGAN HARGA YANG LEBIH MURAH DARIPADA HARGA DALAM PASARAN SAHAM. -- BERSAMBUNG 1618/YF

B566

MAHATHIR 2 ALOR STAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENEGASKAN BAHAWA TUJUAN KERAJAAN BERBUAT DEMIKIAN IALAH SUPAYA BUMIPUTERA BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBELI SAHAM-SAHAM ITU, BAHKAN MEMILIKNYA TERUS-MENERUS DAN MENDAPAT BAHAGIAN DI DALAM SEMUA URUSAN.

TETAPI MALANGNYA TERDAPAT RAMAI DARIPADA MEREKA YANG SETELAH MEMBELI SAHAM-SAHAM DENGAN HARGA YANG MURAH ITU MENJUALNYA SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN DENGAN SERTA-MERTA.

DI SAMPING ITU, KATANYA, ADA PULA BUMIPUTERA YANG SEMATA-MATA MENJADI AGEN KEPADA ORANG-ORANG LAIN UNTUK MEMBELI SAHAM-SAHAM YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA BUMIPUTERA BAGI MENDAPATKAN KOMISYEN, BUKAN \$1 SATU SAHAM TETAPI KADANGKALA HANYA 5 ATAU 10 SEN SAHAJA.

BELIAU BERKATA DENGAN ITU SAHAM-SAHAM YANG SEPATUTNYA DIMILIKI OLEH BUMIPUTERA 'JATUHLAH' KE TANGAN ORANG-ORANG LAIN DAN PERBUATAN DIDAPATI AKAN MENJEJASKAN USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBOLEHKAN BUMIPUTERA MEMILIKI SEBANYAK 30 PERATUS DARIPADA SAHAM-SAHAM DI NEGARA INI MENJELANG 1990. — BERSAMBUNG 1622/YF

B567

MAHATHIR 3 ALOR STAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN, +KIRANYA BUMIPUTERA YANG DIBERI PELUANG MEMBELI SAHAM LEBIH CENDERUNG KEPADA MENDAPATKAN KEUNTUNGAN SEGERA DARIPADA PELABURAN JANGKA PANJANG, MAKA MATLAMAT KERAJAAN ITU DIDAPATI TIDAK AKAN TERCAPI.+

MENURUT BELIAU, PERBUATAN ITU ADALAH MERUPAKAN SATU SAHAJA DARIPADA PENYELEWENGAN YANG DILAKUKAN OLEH BUMIPUTERA SENDIRI YANG BOLEH MENGGAGALKAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SELAGI ORANG-ORANG MELAYU MEMPUNYAI SIFAT DAN SIKAP SEPERTI ITU, MAKA TIDAK ADA GUNANYA KERAJAAN MENGADAKAN SEGALA USAHA MENOLONG MEREKA KERANA USAHA-USAHA ITU TIDAK AKAN MENCAPI KEJAYAAN.

KATANYA BELIAU MENIMBULKAN PERKARA TERSEBUT KERANA AHLI-AHLI UMNO BERTANGGUNGJAWAB MEMIMPIN RAKYAT KHUSUSNYA ORANG-ORANG MELAYU KE ARAH KEBAIKAN UNTUK MENJAGA HAK MEREKA DAN BUKAN UNTUK MEREBut HAK ORANG ASING.

KALAU ORANG-ORANG MELAYU DIBERI PELUANG, MEMBELI SAHAM SUPAYA MEREKA MEMPUNYAI BAHGIAN DALAM SEGALA BIDANG PERNIAGAAN DI NEGARA INI, MAKA MEREKA SEHARUSNYALAH MENGEKALKAN PENILIKAN SAHAM ITU SELAMA-LAMANYA. TAMBAHNYA. — BERNAMA 1626/YF